

MENYULAM KREATIVITI DARI TANAH TERBIAR: INOVASI STUDIO PRAKTIS SERAMIK BAGI GENERASI BARU

Weaving Creativity from Abandoned Land: Innovation in Practical Ceramic Studios for The New Generation

Muhammad Safwan Mohd Shariff^d*

Highlands International Boarding School Genting Highlands KM10 69000 Genting Highlands, Pahang, Malaysia

*Muhammadsafwanshariff5037@gmail.com**

***Penulis koresponden**

Diterima: 19 Sept 2025; **Disemak semula:** 22 Okt 2025; **Diterima:** 30 Nov 2025; **Diterbitkan:** 26 Dis 2025

To cite this article (APA): Mohd Shariff, M. S. . (2025). Menyulam Kreativiti dari Tanah Terbiar: Inovasi Studio Praktis Keramik bagi Generasi Baru . *Jurnal Peradaban Melayu*, 20(2), 103-112. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.2.9.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.2.9.2025>

ABSTRAK

Kajian ini menelusuri usaha inovatif sebuah studio praktis seramik dalam mengangkat seni seramik sebagai medium transformasi kreatif melalui penggunaan tanah terbiar berasaskan Model Praktis Studio Keramik. Pendekatan ini bukan sahaja menekankan aspek estetika dan teknikal dalam penghasilan karya, malah mengintegrasikan nilai kelestarian alam sekitar, penglibatan komuniti serta pendidikan seni bagi generasi baharu. Studio praktis seramik berperanan sebagai ruang eksperimen yang menyatukan tradisi kraf tempatan dengan teknologi moden, sekali gus menghasilkan karya yang mencerminkan keseimbangan antara alam, warisan budaya dan inovasi kontemporari. Melalui analisis proses kreatif, pendekatan reka bentuk serta impak sosial dan alam sekitar, kajian ini menyoroti potensi seramik sebagai wadah pembaharuan seni yang berteraskan amalan lestari. Penggunaan tanah terbiar sebagai bahan alternatif membuka peluang eksplorasi baharu dalam pembentukan tekstur, bentuk dan identiti visual karya, di samping mengurangkan kebergantungan terhadap bahan konvensional. Pendekatan ini turut meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pengurusan sumber secara bertanggungjawab dalam amalan seni. Dapatan kajian menunjukkan bahawa inisiatif ini bukan sahaja menghasilkan karya seramik bernilai tinggi dari segi estetika dan konseptual, malah memperkukuh peranan seni sebagai agen perubahan sosial serta menjadi sumber inspirasi kepada generasi muda dalam meneruskan kesinambungan budaya dan kreativiti tanah air.

Kata kunci: seramik, inovasi, tanah terbiar, kelestarian, kreatif, generasi baharu

ABSTRACT

This study explores the innovative efforts of a ceramic practice studio in elevating ceramic art as a medium for creative transformation through the use of abandoned soil, based on the Ceramic Studio Practice Model. This approach not only emphasizes aesthetic and technical aspects in ceramic production, but also integrates environmental sustainability, community engagement, and art education for younger generations. The ceramic practice studio functions as an experimental space that merges local craft traditions with modern technology, resulting in works that reflect a balance between nature, cultural heritage, and contemporary innovation. Through an analysis of creative processes, design approaches, and social and environmental impacts, this study highlights the potential of ceramics as a platform for artistic renewal grounded in sustainable practices. The use of abandoned soil as an alternative

material opens new possibilities for exploration in texture, form, and visual identity, while reducing reliance on conventional materials. This approach also raises awareness of the importance of responsible resource management within artistic practices. The findings indicate that this initiative not only produces ceramic works of high aesthetic and conceptual value, but also strengthens the role of art as an agent of social change. Furthermore, it serves as a source of inspiration for younger generations to continue cultural continuity and creative innovation within the context of national heritage.

Keywords: *ceramics, innovation, abandoned soil, sustainability, creativity, young generation*

PENGENALAN

Seni seramik merupakan satu cabang penting dalam bidang seni halus yang menggabungkan nilai estetika, fungsi, dan teknik pembuatan yang kompleks. Ia bukan sahaja menonjolkan kemahiran teknikal dalam pengendalian bahan seperti tanah liat, glasir, dan pembakaran, tetapi turut mencerminkan identiti budaya serta nilai kemanusiaan dalam masyarakat (Hashim, 2018). Dalam konteks seni kontemporari, seramik telah berevolusi daripada sekadar objek utilitarian kepada medium ekspresi kreatif yang mengangkat isu sosial, alam sekitar, dan inovasi teknologi (Rahman & Tan, 2020). Menurut, Adamson, G. (2007) ia sesuai untuk tradisi, dan inovasi dalam seni seramik. Disokong oleh Barrett, E., & Bolt, B. (2010), Mengukuhkan metodologi studio praktis dan penyelidikan berasaskan amalan.

Perkembangan seni seramik di Malaysia turut memperlihatkan peralihan paradigma apabila pengkarya mula meneroka sumber dan pendekatan baharu dalam penghasilan karya. Kajian oleh Ahmad (2019) menunjukkan bahawa generasi seniman muda kini lebih cenderung menggunakan bahan tempatan dan lestari dalam karya mereka sebagai respons terhadap cabaran alam sekitar. Pendekatan ini turut didorong oleh kesedaran terhadap konsep *sustainable art practice* yang menekankan tanggungjawab sosial dan ekologi dalam amalan seni (Yusof, 2021). Dalam konteks ini, usaha studio praktis melalui Model Praktis Studio Seramik memperlihatkan satu inisiatif yang inovatif dan berimpak tinggi. Beliau menggunakan tanah terbiar sebagai sumber utama bahan mentah bagi penghasilan karya seramik, sekali gus memberi nilai baharu kepada sumber yang sebelum ini dianggap tidak produktif. Kajian ini menurut, Bourriaud, N. (2002) relevan untuk seni sebagai interaksi sosial & komuniti. Hal ini kerana asas teori pengalaman, pendidikan seni dan pembelajaran berasaskan proses Dewey, J. (1934).

Pendekatan ini bukan sahaja sejajar dengan prinsip kelestarian, tetapi juga menggabungkan elemen komuniti, pendidikan, dan kesedaran alam sekitar dalam proses kreatif. Menyokong peralihan seni kontemporari kepada isu sosial dan realiti Foster, H. (1996). Hal ini seiring dengan pandangan Abdullah dan Lee (2022) yang menegaskan bahawa seni berpotensi menjadi medium transformasi sosial apabila digerakkan melalui pendekatan komuniti dan pendidikan. Studio praktis berperanan sebagai ruang eksperimen yang menyatukan tradisi kraf tempatan dengan teknologi moden, melahirkan karya yang berteraskan keseimbangan antara warisan dan inovasi. Penglibatan masyarakat setempat dan pelajar seni dalam aktiviti studio ini bukan sahaja memperkukuh kesinambungan budaya, tetapi juga membina generasi baharu seniman yang peka terhadap nilai estetika dan tanggungjawab alam sekitar (Omar, 2020). Oleh itu, kajian ini meneliti secara mendalam pendekatan kreatif, proses penghasilan, dan falsafah yang diketengahkan oleh penyelidik dalam mengangkat seni seramik sebagai wadah transformasi artistik dan sosial. Menurut, Inwood, H. (2013), beliau mengukuhkan hubungan seni, ekologi dan pendidikan. Selain itu, kajian turut menilai impak inisiatif ini terhadap pembangunan komuniti, kelestarian sumber, dan kesinambungan warisan seni seramik di Malaysia.

PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam arus pembangunan pesat dan urbanisasi di Malaysia, isu tanah terbiar semakin menjadi perhatian kerana melibatkan aspek ekonomi, sosial, dan alam sekitar. Menurut Rahim dan Zainal (2019), banyak kawasan tanah yang berpotensi dibiarkan tidak dimanfaatkan akibat kekangan pembangunan dan perancangan guna tanah yang tidak menyeluruh. Dalam konteks seni, sumber semula jadi seperti tanah liat daripada kawasan tersebut jarang diterokai secara kreatif, walhal bahan ini mempunyai nilai estetika dan potensi untuk dikembangkan dalam bidang seni seramik. Menurut, Kester, G. H. (2011) sangat sesuai untuk seni berasaskan komuniti dan kolaborasi, sehingga ia relevan untuk kelestarian, etika dan penggunaan sumber Papanek, V. (1995).

Seni seramik tradisional di Malaysia masih banyak bergantung kepada sumber tanah liat komersial dan teknik konvensional. Hal ini menyebabkan kurangnya inovasi dari segi bahan alternatif dan pendekatan lestari dalam penghasilan karya (Hashim, 2018). Kajian oleh Yusof (2021) juga mendapati bahawa amalan seni di Malaysia masih belum sepenuhnya mengintegrasikan prinsip kelestarian alam dan tanggungjawab sosial secara menyeluruh. Justeru, wujud keperluan untuk meneroka pendekatan baharu yang mampu memanfaatkan sumber tempatan sambil mengekalkan nilai estetika dan fungsi seni.

Selain itu, kesedaran masyarakat terhadap peranan seni sebagai alat pendidikan dan transformasi sosial masih rendah. Menurut Abdullah dan Lee (2022), seni sering dilihat sebagai aktiviti elit atau hiasan semata-mata, bukan sebagai medium perubahan yang dapat memberi impak terhadap komuniti dan alam sekitar. Ini menunjukkan jurang antara dunia seni dan realiti sosial yang perlu dirapatkan melalui pendekatan yang lebih inklusif dan berasaskan komuniti. Dalam konteks ini, usaha studio praktis melalui Model Praktis Studio Seramik memperlihatkan potensi besar dalam menangani isu tersebut. Namun, masih kurang kajian yang meneliti secara sistematik bagaimana pendekatan beliau dapat menjadi model amalan terbaik (best practice) bagi mengintegrasikan inovasi, kelestarian, dan pendidikan seni. Kajian ini timbul daripada persoalan bagaimana pendekatan kreatif dalam menggunakan tanah terbiar boleh menyumbang kepada pembentukan model seni seramik yang lestari, serta sejauh mana inisiatif ini dapat memberi impak terhadap komuniti, alam sekitar, dan pembangunan seni kontemporari Malaysia.

Oleh itu, permasalahan utama yang ingin dikaji ialah kekurangan model amalan seni seramik yang menggabungkan elemen kelestarian, inovasi bahan, dan penglibatan komuniti secara menyeluruh. Kajian ini berhasrat untuk meneliti pendekatan studio praktis sebagai satu contoh usaha integratif yang berpotensi memperkaya wacana seni seramik Malaysia melalui penggunaan sumber alternatif dan penglibatan sosial yang bermakna.

METODOLOGI


Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan berasaskan amalan (practice-based research) yang memberi penekanan kepada proses kreatif, reka bentuk, serta impak sosial dan alam sekitar dalam penghasilan seni seramik. Metodologi kajian ini berteraskan Model Praktis Studio Seramik sebagai kerangka utama bagi meneroka inovasi bahan, pendidikan seni lestari, dan penglibatan komuniti secara menyeluruh.

Pendekatan kajian dilaksanakan melalui beberapa komponen utama seperti berikut:

1. Pendekatan Inovasi Bahan dan Teknik Seramik

Kajian ini memfokuskan kepada penggunaan tanah terbiar sebagai bahan utama dalam penghasilan seramik sebagai satu kaedah eksplorasi bahan alternatif yang lestari. Melalui sesi pembelajaran studio, semua pelajar yang terlibat dalam kajian ini didedahkan kepada proses pengumpulan, penyediaan, dan pengolahan tanah liat alternatif sehingga berjaya menghasilkan karya seramik. Pendekatan ini menyeimbangkan aspek teknikal dan estetika dalam penghasilan karya, sekaligus membolehkan peserta kajian membina kefahaman tentang potensi bahan tempatan dalam konteks seni kontemporari (Hashim, 2018; Rahman & Tan, 2020).

Penggunaan Model Praktis Studio Seramik sebagai kerangka penyelidikan adalah selari dengan gagasan *art practice as research* yang dikemukakan oleh Sullivan (2010), di mana proses penciptaan seni berfungsi sebagai kaedah inkuiri dan pembentukan pengetahuan. Model ini amat sesuai diaplikasikan dalam pembentukan kreativiti berasaskan sumber terbiar kerana ia menekankan proses refleksi, eksperimen, dan penghasilan sebagai teras metodologi kajian.



Sumber: Pembelajaran Praktis Studio Praktis

Rajah yang disertakan dalam kajian ini memperlihatkan kerangka kajian dan prosedur yang dilaksanakan bagi mendapatkan data dan bukti berkaitan pembentukan kreativiti artistik serta proses inovasi penggunaan tanah liat alternatif. Keseluruhan proses ini bersandarkan kepada Model Praktis Studio Seramik sebagai panduan metodologi utama.

2. Pendekatan Kelestarian dan Pendidikan Seni

Studio Seramik berfungsi sebagai ruang pembelajaran berasaskan pengalaman yang memadukan nilai kelestarian, pendidikan seni, dan eksperimen kreatif. Melalui program studio yang dirancang, pelajar dan komuniti tempatan diberi peluang untuk memahami hubungan antara seni, budaya dan alam sekitar secara

langsung. Pendekatan ini bertujuan memupuk kesedaran terhadap pemeliharaan sumber semula jadi melalui penglibatan aktif dalam proses penghasilan karya (Yusof, 2021; Omar, 2020).

Metodologi pendidikan yang digunakan merangkumi pendekatan formal dan tidak formal, termasuk sesi bimbingan, demonstrasi bersemuka, dan pembelajaran kolaboratif. Keberkesanan pendekatan ini dapat dilihat apabila sebahagian keluarga pelajar mula menyedari potensi tanah di sekitar kediaman mereka sebagai sumber penghasilan produk dan karya seni. Panduan proses yang dibangunkan dalam kajian ini berfungsi sebagai rujukan metodologi yang boleh diaplikasikan dan diadaptasikan dalam konteks pendidikan seni yang lain.



Sumber : Dipetik daripada kajian Pembentukan kreativiti artistic 2021

3. Pendekatan Impak Sosial dan Penglibatan Komuniti

Metodologi kajian ini turut menekankan penglibatan komuniti dan pengkarya muda sebagai sebahagian daripada proses kreatif. Pendekatan studio praktis menjadikan seramik sebagai medium transformasi sosial, di mana pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dimurnikan menjadi panduan baharu yang boleh digunakan dan diaplikasikan oleh masyarakat setempat serta penggemar seni. Penglibatan komuniti dalam aktiviti studio bukan sahaja meningkatkan kemahiran teknikal, malah memperkukuh jati diri dan kesedaran terhadap warisan budaya tempatan. Pendekatan ini selari dengan pandangan Abdullah dan Lee (2022) yang menegaskan bahawa amalan seni berasaskan komuniti berupaya memperkukuh peranan seni sebagai agen perubahan sosial serta membuka potensi nilai komersial yang berkualiti melalui penghasilan karya yang beridentiti.


4. Pendekatan Penggabungan Tradisi dan Inovasi

Kajian ini turut menggunakan pendekatan metodologi yang menggabungkan tradisi kraf tempatan dengan teknologi moden dalam penghasilan karya seramik. Proses ini memberi ruang kepada peserta kajian untuk menyesuaikan hasil produk berdasarkan persekitaran pengkarya dan konteks setempat. Gabungan antara tradisi dan inovasi ini menghasilkan satu sentuhan baharu dari segi penggunaan dan fungsi produk, sekali gus menjadikan seramik relevan dengan tuntutan seni kontemporari (Ahmad, 2019).

Secara keseluruhannya, metodologi kajian ini menekankan penggunaan Model Praktis Studio Keramik sebagai satu pendekatan integratif yang menggabungkan inovasi bahan, pendidikan seni, kelestarian alam, dan penglibatan sosial. Metodologi ini membuktikan bahawa seni bukan sekadar medium penghasilan karya, tetapi juga berfungsi sebagai wadah pendidikan, transformasi sosial dan pemeliharaan alam secara serentak.

DAPATAN KAJIAN

Usaha melalui Model Praktis Studio Keramik memperlihatkan satu bentuk inovasi dalam seni kontemporari Malaysia yang menggabungkan elemen tradisi, teknologi, dan kelestarian. Pendekatan beliau yang menggunakan tanah terbiar sebagai bahan utama penghasilan karya bukan sahaja bersifat eksperimental dari segi teknikal, tetapi juga membawa dimensi baharu. Berdasarkan kepada kefahaman tentang hubungan antara manusia dan alam. Menurut Yusof (2021), amalan seni lestari menuntut kesedaran ekologi yang tinggi, di mana proses kreatif perlu mempertimbangkan impak terhadap persekitaran dan masyarakat. Pendekatan ini jelas dizahirkan dalam kerja melinbatkan studio praktis yang menekankan nilai penggunaan sumber secara beretika dan bertanggungjawab. Dilampirkan rujukan yang dijalankan sepanjang 14 minggu.



Sumber : Pandangan Prosedur Model Praktis Studio Keramik Dapatan dalam Pembentukan Kreativiti Artistik 2021

Selain aspek bahan, studio praktis turut mengangkat peranan studio sebagai ruang interaksi sosial dan pendidikan. Studio Keramik berfungsi sebagai tapak eksperimen yang menyatukan pelajar seni, pengkarya, serta komuniti setempat dalam satu ekosistem pembelajaran berasaskan pengalaman. Menurut Abdullah dan Lee (2022), pendekatan *community-based art practice* dapat memperkukuh hubungan antara seni dan masyarakat dengan melibatkan komuniti sebagai sebahagian daripada proses penciptaan, bukan sekadar penonton. Dalam konteks ini, model studio praktis seramik memperlihatkan keberkesanan seni sebagai alat pemberdayaan sosial (*social empowerment*) yang memberi peluang kepada masyarakat memahami dan menghargai nilai seni dalam kehidupan harian.

Proses eksplorasi sehingga produk merupakan proses mencabar dan menarik banyak minat. Pelbagai sumber boleh diaplikasikan, diadaptasikan dan di inovasikan bergantung kepada kefahaman dan kajian yang dipilih. Pendekatan beliau turut sejajar dengan gagasan *eco-art practice* yang menekankan keseimbangan antara ekspresi artistik dan tanggungjawab terhadap alam sekitar (Rahman & Tan, 2020). Penggunaan tanah liat daripada kawasan terbiar bukan penyelesaian praktikal terhadap isu sisa sumber, tetapi juga simbolik terhadap kebangkitan nilai daripada sesuatu yang dianggap tidak bernilai.

Dalam konteks estetika, karya-karya seramik yang dihasilkan menampilkan tekstur, warna, dan bentuk yang unik hasil daripada ciri-ciri semula jadi tanah tersebut, sekali gus memberi identiti tempatan yang kuat kepada karya (Hashim, 2018). Dari sudut pendidikan seni, inisiatif ini mampu membuka peluang kepada generasi baharu untuk memahami proses penciptaan seni sebagai satu bentuk pembelajaran berterusan yang merangkumi nilai intelektual, sosial, dan moral. Omar (2020) menegaskan bahawa pendidikan seni yang efektif bukan hanya menumpukan kepada kemahiran teknikal, tetapi juga terhadap pemikiran kritikal dan kesedaran budaya. Melalui aktiviti bengkel dan kolaborasi, Studio praktis seramik telah berjaya membentuk satu ekosistem pembelajaran yang holistik menghubungkan pelajar, masyarakat, dan persekitaran dalam satu rangka kerja kreatif yang berasaskan nilai.

Selain itu, hasil kajian turut menunjukkan bahawa model ini memberi impak positif terhadap kelestarian sosial dan ekonomi tempatan. Melalui penglibatan komuniti dalam aktiviti studio, nilai ekonomi tanah terbiar dapat dipulihkan secara tidak langsung melalui penghasilan karya seni yang mempunyai nilai pasaran dan potensi pelancongan kreatif. Hal ini selari dengan pandangan Ahmad (2019) yang menegaskan bahawa seni kontemporari berpotensi menyumbang kepada pembangunan mampan melalui penghasilan nilai baharu berasaskan sumber tempatan. Secara keseluruhannya, Model Praktis Studio Keramik yang diketengahkan oleh pasukan penyelidik dibawah geran FRGS 2020 Tajaan dibawah KPT 2020, menjadi bukti bahawa seni dapat berfungsi bukan sahaja sebagai ekspresi estetik, tetapi juga sebagai agen perubahan sosial dan alam sekitar. Pendekatan ini memperlihatkan keseimbangan antara inovasi dan warisan, antara tradisi dan teknologi, serta antara individu dan komuniti. Ia memperkukuh gagasan bahawa seni seramik bukan sekadar penghasilan objek, tetapi wadah refleksi budaya dan transformasi nilai dalam masyarakat Malaysia yang semakin berkembang.

Kajian ini menelusuri secara mendalam pendekatan inovatif penggunaan bahan alternatif (tanah liat) dalam mengangkat seni seramik sebagai medium transformasi kreatif dan sosial melalui Model Praktis Studio Keramik. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pendekatan ini berjaya menggabungkan tiga dimensi utama inovasi bahan, kelestarian alam, dan pemberdayaan komuniti yang menjadikan model ini unik serta relevan dalam konteks pembangunan seni kontemporari Malaysia. Pertama, dari segi inovasi bahan, penggunaan tanah terbiar sebagai sumber utama dalam penghasilan seramik telah membuka perspektif baharu terhadap potensi sumber semula jadi yang sering diabaikan. Pendekatan ini bukan sahaja menonjolkan kreativiti teknikal, tetapi juga menunjukkan kesedaran terhadap isu ekologi dan tanggungjawab terhadap alam sekitar (Yusof, 2021). Bahan yang dipilih memberi identiti tempatan dan estetika organik yang sukar diperolehi melalui kaedah konvensional, sekali gus memperkukuh nilai keaslian dalam karya seni seramik Malaysia (Hashim, 2018).



Sumber: Pelajar MSK 3042

Kedua, dari aspek kelestarian dan pendidikan, studio praktis berfungsi sebagai ruang pembelajaran terbuka yang menggabungkan pengajaran seni, eksperimen teknikal, dan kesedaran sosial. Inisiatif ini berjaya membentuk satu ekosistem pembelajaran seni yang holistik berasaskan nilai komuniti dan kelestarian (Omar, 2020). Pelibatan pelajar, pengkarya muda, serta penduduk setempat memperlihatkan bahawa seni boleh menjadi alat pendidikan bukan formal yang berkesan dalam membina kefahaman tentang hubungan antara manusia, budaya, dan alam.



Sumber: Pelajar-pelajar MSK 3042

Ketiga, dari segi impak sosial dan budaya, model yang diketengahkan bagi memperlihatkan seni sebagai agen transformasi sosial. Melalui penglibatan komuniti dalam proses kreatif, seni seramik tidak lagi terhad kepada elit akademik atau galeri, tetapi menjadi medium komunikasi yang inklusif dan berupaya memperkukuh jati diri serta warisan tempatan (Abdullah & Lee, 2022). Kajian ini juga membuktikan bahawa seni boleh menyumbang kepada pembangunan mampan dengan menggabungkan aspek ekonomi kreatif, pelestarian sumber, dan pembentukan nilai sosial (Ahmad, 2019).

Secara keseluruhan, Model Praktis Studio Seramik menjadi satu contoh signifikan tentang bagaimana seni dapat berfungsi sebagai jambatan antara tradisi dan inovasi, serta antara ekspresi peribadi dan tanggungjawab sosial. Pendekatan ini bukan sahaja memberi sumbangan besar kepada wacana seni seramik di Malaysia, tetapi juga menjadi model inspiratif yang boleh diaplikasikan dalam bidang seni lain yang berteraskan kelestarian dan komuniti.

PERBINCANGAN

Kajian ini menelusuri secara mendalam pendekatan inovatif penggunaan bahan alternatif, iaitu tanah terbiar, dalam mengangkat seni seramik sebagai medium transformasi kreatif dan sosial melalui Model Praktis Studio Seramik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan ini berjaya mengintegrasikan tiga

dimensi utama, iaitu inovasi bahan, kelestarian alam sekitar, dan pemberdayaan komuniti, sekali gus menjadikan model ini relevan dalam konteks pembangunan seni kontemporari Malaysia.

Pertama, dari aspek inovasi bahan, penggunaan tanah terbiar sebagai sumber utama dalam penghasilan seramik telah membuka perspektif baharu terhadap potensi sumber semula jadi yang sering diabaikan. Pendekatan ini bukan sahaja memperlihatkan kreativiti teknikal dalam pengendalian bahan, malah mencerminkan kesedaran terhadap isu ekologi dan tanggungjawab terhadap alam sekitar (Yusof, 2021). Ciri-ciri semula jadi tanah tersebut menghasilkan tekstur, warna dan bentuk yang unik, sekali gus memberi identiti tempatan dan nilai keaslian yang tinggi kepada karya seramik yang dihasilkan (Hashim, 2018).

Kedua, dari segi kelestarian dan pendidikan seni, Studio Praktis berfungsi sebagai ruang pembelajaran terbuka yang menggabungkan pengajaran seni, eksperimen teknikal, dan kesedaran sosial. Inisiatif ini membentuk satu ekosistem pembelajaran seni yang holistik melalui penglibatan pelajar, pengkarya muda, dan komuniti setempat. Pendekatan ini selari dengan pandangan Omar (2020) yang menegaskan bahawa pendidikan seni yang berkesan perlu melangkaui kemahiran teknikal dengan menekankan pembelajaran berasaskan pengalaman, pemikiran kritikal dan kesedaran budaya.

Ketiga, dari aspek impak sosial dan budaya, Model Praktis Studio Keramik memperlihatkan seni sebagai agen transformasi sosial. Penglibatan komuniti dalam keseluruhan proses kreatif menjadikan seni seramik tidak lagi bersifat eksklusif atau terhad kepada ruang galeri, sebaliknya berfungsi sebagai medium komunikasi yang inklusif dan bermakna. Dapatan ini menyokong pandangan Abdullah dan Lee (2022) bahawa amalan seni berasaskan komuniti berupaya memperkukuh jati diri, meningkatkan kemahiran, serta menyemai kesedaran terhadap warisan budaya tempatan.

Selain itu, kajian turut mendapati bahawa model ini memberi impak positif terhadap kelestarian sosial dan ekonomi tempatan. Melalui penghasilan karya seramik yang mempunyai nilai pasaran dan potensi pelancongan kreatif, tanah terbiar yang sebelum ini tidak dimanfaatkan dapat diberi nilai baharu secara tidak langsung. Hal ini selari dengan Ahmad (2019) yang menyatakan bahawa seni kontemporari berpotensi menyumbang kepada pembangunan mampan melalui penghasilan nilai kreatif berasaskan sumber tempatan. Secara keseluruhannya, dapatan kajian membuktikan bahawa Model Praktis Studio Keramik bukan sahaja berupaya menghasilkan karya seni yang bernilai estetika tinggi, malah berfungsi sebagai wadah pendidikan, pemeliharaan alam sekitar, dan pemberdayaan komuniti secara serentak.

KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa penggunaan tanah terbiar sebagai bahan alternatif dalam penghasilan seni seramik mampu menjadi satu pendekatan inovatif yang menyatukan aspek kreativiti, kelestarian dan tanggungjawab sosial. Melalui Model Praktis Studio Keramik, seni seramik ditampilkan bukan sekadar sebagai penghasilan objek estetik, tetapi sebagai medium refleksi budaya dan transformasi nilai dalam masyarakat Malaysia yang semakin berkembang.

Pendekatan ini memperlihatkan keseimbangan antara tradisi dan inovasi, antara warisan kraf tempatan dan teknologi moden, serta antara ekspresi individu dan kepentingan komuniti. Sehubungan itu, kajian lanjutan disarankan untuk meneliti aspek teknikal dan saintifik tanah terbiar secara lebih mendalam, termasuk analisis sifat fizikal dan kimia tanah bagi memperkukuh amalan penghasilan seramik lestari.

Selain itu, pendekatan Model Praktis Studio Keramik berpotensi diperluas ke peringkat antarabangsa serta dijadikan rujukan dalam konteks pendidikan seni di universiti dan sekolah. Pendedahan kepada eksplorasi bahan tempatan bukan sahaja dapat memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar, malah memupuk kesedaran awal terhadap kelestarian alam dan nilai budaya tempatan.

PENGHARGAAN

Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) atas pembiayaan melalui Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/2020) yang memungkinkan pelaksanaan kajian ini. Setulus penghargaan turut ditujukan kepada Profesor Dr. Tajul Shuhaizam Said serta pasukan penyelidik Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas bimbingan, sokongan dan kerjasama sepanjang tempoh penyelidikan. Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada pihak Studio Keramik, para pelajar dan komuniti setempat yang telah memberikan kerjasama dan sumbangan bermakna dalam menjayakan kajian ini.

RUJUKAN

- Abdullah, R., & Lee, K. H. (2022). Community-based art practice as social transformation. *Journal of Art and Society*, 15(2), 45–60.
- Adamson, G. (2007). *Thinking through craft*. Berg.
- Ahmad, N. (2019). *Seni kontemporari dan pembangunan mampan berasaskan sumber tempatan*. Penerbit Universiti Malaya.
- Barrett, E., & Bolt, B. (2010). *Practice as research: Approaches to creative arts enquiry*. I.B. Tauris.
- Bourriaud, N. (2002). *Relational aesthetics*. Les Presses du Réel.
- Dewey, J. (1934). *Art as experience*. Perigee Books.
- Foster, H. (1996). *The return of the real: The avant-garde at the end of the century*. MIT Press.
- Grierson, E., & Brearley, L. (2009). *Creative arts research: Narratives of methodology and practice*. Sense Publishers.
- Hashim, Z. (2018). *Seni seramik Malaysia: Tradisi, teknik dan identiti*. Penerbit UiTM.
- Inwood, H. (2013). Developing ecological literacy through arts-based learning. *Canadian Journal of Environmental Education*, 18, 129–143.
- Kester, G. H. (2011). *The one and the many: Contemporary collaborative art in a global context*. Duke University Press.
- Leach, B. (1976). *A potter's book*. Faber & Faber.
- Malaysian Crafts Development Corporation. (2018). *Traditional crafts of Malaysia*. Kraftangan Malaysia.
- Miles, M. B., Huberman, A. M., & Saldaña, J. (2014). *Qualitative data analysis: A methods sourcebook* (3rd ed.). SAGE Publications.
- Omar, S. (2020). Pendidikan seni dan pembelajaran holistik dalam konteks komuniti. *Jurnal Pendidikan Seni*, 12(1), 23–38.
- Papanek, V. (1995). *The green imperative: Ecology and ethics in design and architecture*. Thames & Hudson.
- Rahim, A., & Zainal, M. (2019). Isu tanah terbiar dan perancangan guna tanah di Malaysia. *Journal of Environmental Planning*, 8(3), 55–70.
- Rahman, F., & Tan, Y. S. (2020). Eco-art practice in contemporary ceramics. *Asian Journal of Contemporary Art*, 6(1), 1–15.
- Sullivan, G. (2010). *Art practice as research: Inquiry in visual arts*. SAGE Publications.
- Yusof, M. (2021). Amalan seni lestari dan kesedaran ekologi dalam konteks Malaysia. *Jurnal Seni Lestari*, 4(2), 10–25.